

No. Sebut Harga: **JKKP/SH/PELUPUSAN/1/2020**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

**Kementerian Sumber Manusia
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Aras 1,3,4 dan 5, Blok D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti
1.	Naza Ria	WQT 8046	1
2.	Naza Ria	WQT 8057	1

2. Aset boleh dilihat pada **23 November 2020 (Isnin)** antara jam **10.00 pagi** hingga **12.00 tengahari** di **Tempat Letak Kenderaan Bawah Tanah, Kompleks D.**
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. **Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.**
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **JKKP/SH/PELUPUSAN/1/2020** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:

**Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Aras 5, Blok D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **24 November 2020 (Selasa), jam 12.00 tengah hari.** Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

6. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh berhubung dengan pihak urus setia di talian berikut:

- i. Pn. Farah Naquiah binti Ahmad - 03-8886 6472
- ii. En. Ahmad Nazmir bin Ahmad Zawawi - 03-8886 5328



(Tandatangan Ketua Jabatan)

Alamat : Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Aras 5, Blok D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya

Tarikh : 18/11/2020

Cop :



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga diwajibkan untuk mengemukakan dokumen sokongan berikut:
 - i. Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
 - ii. Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (Kementerian Kewangan Malaysia); dan
 - iii. Salinan Penyata Bank untuk tiga (3) bulan terkini (Ogos, September dan Oktober)
3. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga yang hendak ditawarkan bagi setiap aset atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **Ketua Pengarah, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**.
4. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
5. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
6. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah **membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan**. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
9. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh **tujuh (7) hari selepas bayaran penuh dijelaskan**. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.